

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
HUKUM MERACUN RUMPUT KAWASAN TANAH PERKUBURAN SUNGAI KANDIS**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' ( Fatwa ) Negeri Selangor telah menerima pertanyaan daripada Setiausaha Masjid al-Muhsinin Kampung Sungai Kandis yang memohon fatwa berkenaan meracun rumput di kawasan tanah perkuburan Kampung Sungai Kandis, Kampong Jawa, Klang.

Oleh itu, pihak Jawatankuasa telah diminta memberikan fatwanya berkenaan dengan permasalahan tersebut.

**2. LATAR BELAKANG**

Pertanyaan ini dikemukakan oleh masyarakat Islam Sungai Kandis yang meminta pandangan Jawatankuasa berkaitan hukum meracun rumput di kawasan perkuburan Sungai Kandis.

Tidak ada dalil yang khusus berkaitan dengan hukum meracun @ mematikan pokok @ tumbuh-tumbuhan di kawasan tanah perkuburan.

**3. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor telah membincangkan perkara di atas dengan teliti dan mengikut hukum yang mu'tabar dalam Islam. Keputusannya adalah seperti berikut :

**“ Jawatankuasa Fatwa kali ke 5/98 yang bersidang pada    dan memutuskan hukum meracun rumput di kawasan tanah perkuburan adalah tidak harus. Ini adalah untuk mengelakkan daripada rumput-rumput tersebut mati dan memberi kesan sampingan kepada alam sekitar dan makhluk lain ”.**

Keputusan ini dibuat berdasarkan dalil yang di ambil dari kitab al-Fiqh al-Islami Wa'adillatuh tulisan Dr. Wahbah al-Zuhaily :

“menurut pendapat ulama' Syafie, tidak menjadi kesalahan menaruh bau-bauan pada kubur, dan ulama' Syafie, Hanbali dan Hanafi berpendapat bahawa sunat disiram air ke atas kubur dan sunat dipacak pelepah yang masih hijau dan tumbuh-tumbuhan yang wangi dan sebagainya yang masih basah di atas kubur untuk memelihara tanahnya daripada runtuh atau hilang dan sesiapa pun tidak boleh mengambilnya dari kubur itu sebelum kering, kerana tuan kubur itu tidak meninggalkannya kecuali setelah kering kerana manfaat hanya terdapat semasa basah iaitu istighfar.

Dalil mereka yang mengatakan sunat disiram air ke atas kubur ialah Hadith yang berbunyi :

أن رسول الله صلى الله عليه و سلم رش على قبر ابنه إبراهيم  
ووضع عليه حصباء

Maksudnya: Bahawasanya Nabi s.a.w menyiram ke atas kubur anaknya Ibrahim dan menaruh batu-batu kecil di atasnya.

Begitu juga pendapat ulama' Hanafi bahawasanya makruh memotong tumbuh-tumbuhan yang masih basah dan rumput yang terdapat di atas kubur, kecuali yang kering, kerana selama ia basah ia bertasbih, dengan itu menyenangkan mayat dan diturunkan rahmat dengan sebab zikirnya. Sunat dipacakkan pelepah dan pohon As dn sebagainya di atas kubur. Dalil lain ialah apa yang terkandung di dalam Hadith Sahih mengenai Nabi s.a.w memacakkan pelepah yang masih hijau setelah dibelah dua ke atas kubur yang diazab, dan alasan ('illah) meringankan daripada azab ialah selagi ia masih basah iaitu meringankannya dengan sebab tasbih daripada kedua-dua pohon itu, kerana tasbihnya semasa masih basah adalah lebih sempurna dari yang kering kerana yang masih hijau itu adalah hidup.